

Selasa – 3 November 2020

Halaman : 35

ASA, 3 NOVEMBER 2020

35

Wanita&keluarga

# Gadis Orang Asli terpedaya jerat cinta warga asing

Wanita tempatan berkahwin pekerja kebun sayur sekitar Lojing jadi mangsa gantung tak bertali

Oleh Ramli Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Gua Musang:** Pernikahan ekspres tanpa dipersetuju ibu bapa bagi gadis Orang Asli dengan lelaki warga asing di sekitar Lojing, dekat sini sudah menjadi perkara biasa sejak lebih 10 tahun lalu.

Malah, kebanyakan ibu bapa dalam kalangan Orang Asli mendakwa bahawa anak gadis mereka bercinta dan berkahwin dengan golongan itu tanpa pengetahuan mereka, namun akhirnya pasti akan pulang ke pangkuan keluaraga.

Katanya, sebilangan gadis berkenaan berkahwin selepas bertemu dengan perkerja asing terbabit ketika bekerja di kebun sayur dan tidak mengambil masa lama berkenalan sebelum mengambil keputusan mendirikan rumah tangga.

Penghulu Orang Asli Kampung Sendrop, Andol Busu Jamin, berkata sejak ini lebih 100 gadis Orang Asli di kampung itu sudah berkahwin dengan lelaki warga asing dan keadaan itu sukar disebat.

Katanya, ada gadis Orang Asli dibawa balik lelaki asing pulang ke negara mereka seperti ke Lombok, Indonesia selepas bernikah.

"Kahwin dengan lelaki Lombok dan di bawa balik ke sana. Selepas lima bulan kembali semula ke kampung ini dan dibiarkan gantung tak bertali, manakala lelaki warga Indonesia itu pulang semula ke negaranya. Pada asalnya wanita Orang Asli ini dijanjikan untuk terus tinggal bersama di negara ini."

"Begitu juga bagi mereka yang memilih untuk berkahwin dengan warga negara Bangladesh dan Pakistan. Perkahwinan itu tanpa pengetahuan ibu bapa dan mereka bernikah secara sembunyi," katanya ketika ditemui di sini.

Justeru, perkahwinan dengan warga negara asing akan menimbulkan pelbagai masalah lain seperti ditinggalkan atau digantung tidak bertali dan pangsannya menghilangkan diri.

Wanita Orang Asli yang menjadi mangsa gantung tidak bertali, Alawiah Sulong, 35, berkata, beliau yang berkahwin dengan warganegara Indonesia



*Ada gadis Orang Asli dibawa balik lelaki asing pulang ke negara mereka seperti ke Lombok, Indonesia selepas bernikah. Selepas lima bulan kembali semula ke kampung ini dan dibiarkan gantung tak bertali.*

**Andol Busu Jamin,**  
Penghulu Orang Asli  
Kampung Sendrop

berhadapan masalah.

Katanya, percintaannya dengan lelaki Lombok, Indonesia tidak lama, selepas berjumpa ketika sama-sama bekerja di kebun sayur di kampung berkenaan.

"Saya dijanjikan dengan pelbagai kesenangan apabila berumah tangga. Jadi saya percaya dan tanpa merujuk kepada ibu bapa terus bersetuju untuk berkahwin."

"Tetapi akhirnya perkahwinan ini tak kekal. Mungkin jodoh saya tidak panjang apabila dia tinggalkan saya gantung tidak bertali selepas pulang ke negara asalnya," katanya.

Bagi seorang ibu Orang Asli, Leha Jali, 47, berkata anak perempuannya yang berusia 17 tahun juga pernah berkahwin dengan lelaki asing, tahun lalu.

Katanya, anak gadisnya hilang semalam dibawa lari lelaki warga Indonesia tetapi dihantar balik keesokan hari selepas mengetahui dicari penduduk.

Beliau berkata, bermula dari situ, anak gadisnya diawasi setiap hari dan menghalang lelaki warga asing terbabit berkeliaran di kawasan kampung berkenaan.

"Saya juga mempunyai tiga anak gadis dan rasa bimbang jika berlaku suntikan cinta dengan lelaki warga asing hidung belang," katanya.

## Johara tak bimbang persaingan tukang jahit

**Gua Musang:** Wanita Orang Asli yang pertama membuka kedai jahit di Kellantan, Johara Ibrahim, 42, tidak pernah rasa tergugat dengan persaingan daripada tukang jahit lain dari segi tempahan pakaian.

Sebaliknya, beliau yang membuka kedai menjahit pakaian wanita beroperasi lima tahun lalu sentiasa dikunjungi pelanggan pelbagai kaum khususnya daripada kalangan komuniti Orang Asli.

Katanya, kedai jahit yang dibina Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) terletak di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis memberikan sumber pendapatan menampung keluarganya.

"Saya belajar menjahit pakaian juga ditanggung JAKOA dan mampu menjahit pelbagai rekaan pakaian wanita mengikut kehendak dan cita rasa pelanggan," katanya baru-baru ini.

Beliau berkata, selain wanita Orang Asli yang membuat tempahan pakaian, ada juga penduduk bukan kalangan Orang Asli yang membuat tempahan dengannya terutama di sekitar Kampong Kuala Betis.

Tambahnya, beliau juga mempunyai kemahiran menjahit dengan menerima tempahan pelbagai jenis rekaan pakaian mengikut kehendak pelanggan sama ada moden atau tradisional.

"Permintaan tempahan itu juga ber-

gantung kepada keadaan dan lebih banyak pada musim perayaan hingga mencecah 100 pasang sebulan.

"Kini tempahan itu kurang dan pelbagai 20 hingga 40 pasang sebulan kerana terhalang penularan wabak COVID-19," katanya.

Johara berkata, beliau turut menjahit dan menjual pelitup muka sebagai pendapatan sampingan ketika perintah kawal pergerakan (PKP).

Katanya, beliau mempunyai seorang pembantu menjahit 50 pelitup muka sehari dan mendapat permintaan tinggi daripada penduduk Orang Asli di pedalaman.

Beliau berkata, walaupun ada juga menerima tempahan, tetapi tidak banyak seperti hari biasa sebelum ini dan pendapatan diperoleh sekitar RM3,000 sebulan.

"Saya nak lihat dulu selepas tamat COVID-19 nanti untuk membesarkan kedai jahit dan jika ada sambutan lebih daripada biasa baru boleh berbuat demikian," katanya.

Katanya, fesyen pakaian wanita yang lebih banyak diterima tempahan ialah baju kurung kerana wanita Orang Asli juga seperti wanita Melayu.

"Daripada 11 adik beradik, hanya seorang yang berminat dalam bidang jahitan dan semua mesin jahit diberi bantuan JAKOA," katanya.



Johara menyiapkan pakaian tempahan pelanggan di kedainya di Kuala Betis.